

Headline	Program Sehari Bersama Pelanggan mampu rapatkan hubungan		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	19 Sep 2014	Color	Black/white
Section	Semasa	Circulation	22,425
Page No	4	Readership	134,550
Language	Malay	ArticleSize	433 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 859
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,577



## Program Sehari Bersama Pelanggan mampu rapatkan hubungan penduduk di Keningau

KENINGAU: Program Sehari Bersama Pelanggan yang dianjurkan Suruhanjaya Tenaga (ST) di daerah ini, mampu merapatkan lagi hubungan dua hala di antara penduduk-penduduk daerah Keningau khususnya dengan agensi-agensi kerajaan yang ada di Malaysia, kata Pegawai Kemajuan Daerah Keningau, Jeffrus Rijan.

“Sebelum ini penduduk di daerah ini hanya mengenali Suruhanjaya Tenaga melalui media massa sahaja tetapi, dengan adanya program ST ini mereka berpeluang untuk berinteraksi secara terus dengan pegawai-pegawai ST yang datang dari pantai barat Sabah (Kota Kinabalu) serta pegawai dari Putrajaya.

“Saya berharap melalui program ini dapat memberikan faedah kepada masyarakat di sini untuk mengetahui dengan lebih mendalam peranan dan fungsi Suruhanjaya Tenaga,” katanya ketika berucap mewakili Pegawai Daerah

Keningau Hj. Yusop Hj. Osman pada perasmian program itu.

Jeffrus berkata, oleh kerana Keningau agak jauh terletak di pedalaman beliau merasa bertuah kerana Suruhanjaya Tenaga datang ke daerah itu untuk bersama-sama dengan masyarakat di sini dalam memberi penerangan dan pendedahan, khususnya dalam aspek keselamatan elektrik, penggunaan lampu

cekap tenaga, keselamatan gas dan mengetahui dengan lebih lanjut apakah kecekapan dan cara-cara menjimatkan tenaga.

Dalam pada itu, beliau turut berterima kasih kepada Suruhanjaya Tenaga yang telah membantu beberapa Pusat Kebajikan dan tabika-tabika Kemas dengan mengadakan Program Touchpoint iaitu menambah baik kemudahan sedia ada di sekitar daerah igi.

“Saya berharap penge-

tahuan para hadirin dari segi keselamatan elektrik dapat ditingkatkan setelah mendengar beberapa taklimat dan ceramah yang diadakan sepanjang program ini.

“Jika ada sebarang ke-musykilan supaya berhubung segera dengan pegawai-pegawai Suruhanjaya Tenaga untuk sebarang penambah-baikkan pada sistem pendawaian elektrik di rumah,” jelasnya.

Turut hadir pada program itu Pengarah Penguatkuasaan dan Penyelarasan Kawasan, Suruhanjaya Tenaga, Pengarah Kawasan ST Pantai Barat Sabah, Nazlin Ab Alim Sidiki; Pemimpin Pembangu-

nan Masyarakat DUN Liawan, Sahanip Jamil dan Ketua-ketua agensi kerajaan daerah Keningau. - **OLEH RAZEEF RAHMAN** - [razeef@newsabah-times.com.my](mailto:razeef@newsabah-times.com.my)



KENANGAN ... Jeffrus dan Othman (tengah) merakam gambar kenangan bersama dengan para penerima sijil penghargaan yang terlibat secara langsung dalam program Touchpoint.

Headline	Program Sehari Bersama Pelanggan mampu rapatkan hubungan		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	19 Sep 2014	Color	Black/white
Section	Semasa	Circulation	22,425
Page No	4	Readership	134,550
Language	Malay	ArticleSize	433 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 859
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,577



CENDERA KENANGAN ... Othman menyerahkan Cendera kenangan Kepada Jeffrus, pada penghujung program itu.



SIJIL ... Jeffrus menyampaikan sijil kepada salah seorang kontraktor yang terlibat dalam program Touchpoint ST.